

RANGKA KERJA PENYELARASAN SEMULA



MARI MERUNDINGKAN
SEMULA

Merundingkan Semula Kontrak Perniagaan dengan Rangka Kerja Penyelarasan Semula Proses Menyemak Semula Harga bagi Kontrak yang Menjejas Perkhidmatan Penting atau Kepentingan Nasional

Bermula 15 Januari 2021, pihak-pihak yang berkelayakan dalam kontrak berhubung kepentingan nasional* boleh menggunakan Rangka Kerja Penyelarasan Semula untuk merundingkan semula kontrak-kontrak mereka, meskipun mereka tidak menamatkan kontrak. Berikut ringkasan proses melakukannya:

** Kontrak kepentingan nasional merujuk kepada kontrak, yang sekiranya ditamatkan, boleh menjejas penyediaan perkhidmatan penting atau keupayaan seseorang pihak berkuasa awam untuk melaksanakan fungsinya. Ia juga merujuk kepada kontrak yang telah disahkan seorang Menteri sebagai kontrak kepentingan nasional. Perkhidmatan penting merupakan apa-apa perkhidmatan yang penting demi keselamatan nasional, pertahanan, hubungan luar negara, ekonomi, kesihatan awam, keselamatan awam atau ketenteraman awam di Singapura.*

Bermula 15
Januari 2021

- 1 Perniagaan yang Terjejas boleh mula mendapatkan bantuan di bawah Rangka Kerja Penyelarasan Semula dengan memberikan **Notis Rundingan bagi Kontrak Kepentingan Nasional** kepada pihak-pihak lain dalam kontrak, dan mereka yang berminat dalam kontrak

Bagi memastikan ia sah, **Notis Rundingan bagi Kontrak Kepentingan Nasional** harus dilengkapi dengan sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian yang relevan yang mengesahkan bahawa kontrak tersebut merupakan kontrak kepentingan nasional.

Tempoh
Rundingan
4 minggu

- 2 Pihak-pihak mempunyai Tempoh Rundingan selama 4 minggu. Mereka harus berbincang, memahami kedudukan satu sama lain dan cuba mencari jalan yang dapat diterima semua pihak untuk mempersetujui kontrak dengan mengambil kira persekitaran perniagaan yang baru.

↓
Sekiranya berjaya

↓
Sekiranya tidak berjaya

Tempoh
Menyemak
Semula Harga
2 minggu

- 3 Semua pihak meneruskan dengan kontrak yang diubah suai

- 4 Perniagaan Terjejas harus mengemukakan **Notis Menyemak Semula Harga**. Kontrak diteruskan sementara kes dibawa ke pihak Penilai untuk menetapkan:

- Kelayakan Perniagaan Terjejas
- Sama ada harga kontrak harus disemak semula, dan sekiranya perlu, harga baru yang dikenakan

Nota: Sekiranya Perniagaan Terjejas tidak mengemukakan Notis Menyemak Semula Harga dalam tempoh ini, syarat-syarat kontrak yang asal (termasuk harga) akan diteruskan seperti biasa

